

## **JAMINAN PERLINDUNGAN DAN KEBAJIKAN KANAK-KANAK DALAM KERANGKA HAK ASASI KANAK-KANAK: AMALAN DI MALAYSIA**

### **GUARANTEES OF PROTECTION AND WELFARE OF CHILDREN IN FRAMEWORK OF FUNDAMENTAL RIGHTS OF CHILDREN: PRACTICE IN MALAYSIA**

**Alias Azhar<sup>1</sup>**  
**Harlida Abdul Wahab<sup>2</sup>**  
**Yusramizza Md Isa @ Yusuff<sup>3</sup>**  
**Ain Husna Mohd Arshad<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Profesor Madya, Pusat Pengajian Undang-undang, UUMCOLGIS, 06010 Sintok, Kedah, Tel: 012-5898510,  
e-mel: az.alias@uum.edu.my

<sup>2</sup>Profesor Madya, Pusat Pengajian Undang-undang, UUMCOLGIS, 06010 Sintok, Kedah

<sup>3</sup>Pensyarah Kanak, Pusat Pengajian Undang-undang, UUMCOLGIS, 06010 Sintok, Kedah

<sup>4</sup>Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-undang, UUMCOLGIS, 06010 Sintok, Kedah

**Accepted date:** 05 September 2018

**Published date:** 25 September 2018

#### **To cite this document:**

Azhar, A., Wahab, H. A., @Yusuff, Y. M. I., & Arshad, A. H. M. (2018). Jaminan Perlindungan Dan Kebajikan Kanak-Kanak Dalam Kerangka Hak Asasi Kanak-Kanak: Amalan Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(10), 33-51.

**Abstrak:** Realiti yang perlu dihadapi apabila kanak-kanak di seluruh dunia berhadapan dengan penafian hak-hak asasi mereka. Hak-hak ini seperti hak untuk hidup, kebebasan, keselamatan individu, hak kepada perbicaraan yang adil, kebebasan berfikir dan beragama, hak kepada keselamatan sosial dan bekerja, hak kepada pendidikan. Kertas kerja hanya focus kepada hak jaminan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak di Malaysia. Konvensyen Hak Kanak-Kanak (KHKK) 1989 merupakan satu perjanjian antarabangsa di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia telah menandatangani dan bersetuju serta melakukan reserving terhadap beberapa peruntukan konvensyen ini pada tahun 1995. Konvensyen ini merupakan satu perjanjian yang mengikat negara ahli untuk memastikan undang-undang negara ahli yang berkaitan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak dalam mematuhi semua peruntukan konvensyen ini, kecuali peruntukan yang telah direservasi. Kerajaan yang menerima pakai KHKK ini hendaklah mengambil langkah-langkah dalam bentuk perundangan pentadbiran yang sesuai untuk melaksanakan hak kanak-kanak yang dinyatakan di dalam KHKK. Justeru, kajian berbentuk kualitatif ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada pelaksanaan peruntukan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak dalam kerangka hak asasi kanak-kanak amalan di Malaysia selari dengan peruntukan konvensyen

tersebut atau pun sebaliknya. Pengumpulan data secara kajian perpustakaan dan lapangan telah digunakan melalui penganalisaan metod kualitatif deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian besar daripada pelaksanaan peruntukan berkaitan perlindungan dan kebijakan kanak-kanak dalam Akta Kanak-kanak (2001) telah pun memenuhi kehendak KHKK. Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) turut menyumbang ke arah realisasi jaminan perlindungan dan kebijakan kanak-kanak di Malaysia.

**Kata kunci:** Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak 1989, Perlindungan Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Akta Kanak-kanak 2001.

**Abstract:** *The reality that needs to be faced when children around the world are faced with the denial of their fundamental rights. These rights include the right to life, freedom, individual security, the right to fair trial, freedom of thought and religion, the right to social security and to work, the right to education. The paper focuses only on child protection and security rights in Malaysia. Children's Rights Convention 1989 (CRC) is an international treaty of United Nation. Malaysia has ratified the treaty in 1995 with reservation on several articles until today. This convention binds state party to ensure any state laws which relate to child welfare and protection under the Convention will be abided except for the reserved articles. The government that adopts this CRC shall take steps in the form of appropriate administrative legislation to implement the rights of children specified in the CRC. Therefore, this qualitative research thesis attempted to investigate the implementation of provisions relating to child welfare and protection under the child right's framework practices in Malaysia meets the Convention standard. Data of this study were collected through library research and field work while qualitative descriptive analysis was employed for data analysis. The most significant finding shows that majority of the implementation related to children's protection and welfare do meet the standard of the Convention. The role of the Social Welfare Department Malaysia (JKMM) also contributes to the realization of the protection and welfare of children in Malaysia.*

**Keywords:** Children's Rights Convention 1989, Children Protection, Social Welfare Department Malaysia, Child Act 2001

---

## Pengenalan

Merujuk Kamus Dewan (2012), hak bermaksud benar, kuasa atas sesuatu, milik, kepunyaan. *Rights* memberi erti betul, lurus, sesuai, sebenar, adil, kanan, tegak, betul, teratur, lebih afdal atau munasabah, hak, arah, sempurna, serta merta, segera. Hak memberi erti, *prove to be true, to become established, proved, confirmed, definite, certain, correct, entitled, rights, claim, truth* (Rohi Baalbaki, 1995)

Hak adalah suatu nilai yang diinginkan seseorang bagi melindungi dirinya agar dapat memelihara dan meningkatkan kehidupannya dan mengembangkan keperibadiannya (Chandra Muzaffar, 1995). Ia memerlukan suatu interaksi yang tidak berbelah-bahagi di antara individu dan masyarakat. Juga, hak seseorang bagi melakukan sesuatu memperjelaskan adanya kewajipan individu lain dan masyarakat supaya tidak menghalang apa yang dilakukan oleh setiap individu terbabit (OHCHR, 2018).

Pengertian hak secara terperinci ialah;

1. Hak muncul daripada masyarakat
2. Setiap hak mempunyai tanggungjawab yang tertentu

3. Hak bukanlah suatu tuntutan
4. Hak semestinya bersesuaian dengan kebaikan umum
5. Negara tidak membentuk hak-hak sebaliknya hanya mengekalkan dan mengkoordinasi hak-hak yang diterima pakai secara sosialnya.
6. Hak mestilah jelas dan tepat terutama dalam mengertikannya.
7. Hak mempunyai kecenderungan berkembang.

Konsep hak boleh dibahagikan kepada dua iaitu Hak semula jadi (natural rights) dan Hak Sivil (Jan. Berting,1990).

- a) Hak semula jadi (natural rights) yang wujud secara automatik sejak lahir dan hak kepada hidup bebas, anggota badan dan harta.
- b) Hak Sivil iaitu hak yang diperoleh seorang warganegara bagi sesebuah negara melalui kuatkuasa undang-undang.

Merujuk tafsiran Akta Kanak-kanak (2001), kanak-kanak ertiinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun. Kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat penting, yang menjadi aset negara dan penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Malaysia amat prihatin dan komited terhadap tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang merupakan generasi pewaris negara masa hadapan. Kepentingan golongan kanak-kanak jelas dibuktikan dalam pernyataan Wawasan 2020 di mana institusi keluarga dan kanak-kanak merupakan salah satu fokus yang diberi keutamaan dalam usaha negara mencapai status negara maju di samping melahirkan masyarakat yang saksama dan penyayang(www.pmo.gov.my,2018).

### **Pernyataan Masalah**

Hak Asasi Kanak-kanak Berdasarkan Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989. Kanak-kanak mudah dipengaruhi, memerlukan jagaan dan perlindungan khas Ia juga meletakkan penekanan khas ke atas penjagaan utama dan tanggungjawab perlindungan oleh keluarga. Ia juga sekali lagi mengesahkan keperluan bagi perlindungan undang-undang dan perlindungan yang lain kepada kanak-kanak. Ia meliputi hak sebelum dan selepas lahir, kepentingan hormat kepada nilai-nilai kebudayaan komuniti kanak-kanak. Merupakan satu peranan yang amat penting bagi kerjasama antarabangsa dalam menjamin hak asasi kanak-kanak

Kanak-kanak adalah golongan yang perlu diberi perlindungan kerana mereka terdedah kepada pelbagai bahaya sama ada mereka menjadi mangsa atau terlibat dengan perlakuan jenayah. Tambahan lagi di dalam era teknologi komunikasi dan maklumat yang serba canggih pada hari ini kanak-kanak kini lebih terdedah kepada ancaman pedofilia apabila pelaku mudah mendampingi untuk memperoleh imej mereka menerusi rangkaian laman sosial. Isu pedofilia menjadi perbincangan hangat apabila masyarakat di negara ini dikejutkan dengan berita seorang penuntut Malaysia dijatuhi hukuman penjara lima tahun oleh sebuah mahkamah di London apabila mengaku bersalah atas 17 kesalahan memiliki 30,000 imej dan video pornografi kanak-kanak(<http://www.beritaharian.sg/dunia/pedofil-britain>). Maka, perlunya kepada penguatkuasaan undang-undang yang lebih efisien terhadap pesalah jenayah seksual kanak-kanak seperti pedofilia daripada berleluasa.

Menyedari hakikat ini, maka pertimbangan utama di dalam segala tindakan yang menyentuh hal ehwal kanak-kanak adalah kebijakan dan kesejahteraan kanak-kanak berkenaan. Ini boleh dilihat di dalam pelbagai undang-undang yang terdapat di negara ini. Walau

bagaimanapun, permasalahan mengenai kanak-kanak masih terus berlaku di merata tempat sama ada di dalam atau luar negara. Tambahan lagi di dalam era teknologi komunikasi dan maklumat yang serba canggih pada hari ini kanak-kanak kini lebih terdedah kepada ancaman pedofilia apabila pelaku mudah mendampingi untuk memperoleh imej mereka menerusi rangkaian laman sosial. Oleh yang demikian, adalah amat penting bagi ibu bapa untuk melindungi dan mendidik anak-anak mereka mengenai ancaman tersebut. Berbanding dengan negara-negara barat yang sudah lama mengenal pasti gejala ini dan mempunyai pangkalan data pesalah laku pedofilia.

Dasar Kanak-kanak Negara adalah satu dasar mengenai hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif. Dasar Kanak-Kanak Negara bertujuan untuk melahirkan individu yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berjati diri, berdaya saing, progresif dan mempunyai nilai-nilai murni.

Objektif utama Dasar Kanak-kanak Negara (DKNN) ialah untuk memastikan ([www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my),2018):

1. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan diberi jagaan, pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial;
2. setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksplorasi; dan seterusnya diberi habilitasi, rehabilitasi dan diintegrasikan ke dalam keluarga dan masyarakat;
3. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk perkembangan holistik dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian;
4. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk bersuara, menyertai (turut serta) dan melibatkan diri mengikut tahap keupayaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka;
5. kanak-kanak, ibu bapa, penjaga, komuniti dan masyarakat sedar akan hak kanak-kanak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan; dan
6. penyelidikan dan pembangunan mengenai kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Objektif utama DKNN merujuk objektif 1 dan 2 menepati skop perbincangan khusus kertas kerja ini. Pengenalan dunia kanak-kanak sepatutnya dilalui dengan penuh riang dan ceria. Seiring usia yang masih mentah dan jiwa mereka yang putih bersih, kanak-kanak berhak menikmati kehidupan indah dan menggembirakan. Kanak-kanak perlu mendapat pembelaan yang sewajarnya oleh anggota masyarakat bagi memberi peluang kepada mereka untuk berkembang potensi secara menyeluruh dan seimbang. Hak asasi kanak-kanak sejagat telah digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau dikenali sebagai Children's Rights Convention (CRC) pada tahun 1989 (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia,2018).

Veneman (2009), beranggapan cabaran terbesar dalam jangka masa 20 tahun lagi adalah untuk membina konvensyen ini di atas tapak kemajuan yang telah tercapai serta bekerjasama untuk membantu kanak-kanak yang masih dinafikan hak kehidupan, perkembangan, perlindungan dan penyertaan. Konvensyen Hak Kanak-Kanak ini boleh dianggap sebagai standard universal untuk mewujudkan dunia baru iaitu dunia yang memberi keutamaan kepada kepentingan terbaik kanak-kanak.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini berbentuk sosio-perundangan iaitu satu kaedah penyelidikan yang menyatukan dua bidang utama dalam penyelidikan iaitu sains sosial dan undang-undang khusus polisi dan peraturan. Oleh kerana undang-undang dibentuk sebagai mekanisme untuk mengurus hal ehwal dan konflik yang timbul dalam masyarakat sosial, undang-undang mempunyai hubungan yang rapat dan sukar dipisahkan dengan masyarakat (Rohani Abdul Rahim, 2002). Kajian ini akan turut melibatkan penyelidikan secara sistematik ke atas isu-isu perundangan yang baru dan terkini dengan menggunakan keaslian dan kreativiti yang tinggi melalui kaedah perundangan tradisional atau konvensional melibatkan proses menyatakan (stating), menginterpretasi (interpreting) dan menerangkan undang-undang sedia ada (clarifying the existing law) di dalam sesuatu bidang perundangan (Mahdi Zahraa, 1998).

Kajian seumpama ini melibatkan perancangan yang sistematik, penyiasatan, pemerhatian, analisis dan teknik yang kritikal. Secara khususnya, kaedah perundangan tradisional ini boleh dibahagikan kepada empat kaedah pula iaitu kaedah falsafah, sejarah, analitis dan kritis serta metod perbandingan (Walker, 1969). Kajian yang telah dijalankan adalah berdasarkan pendekatan kualitatif (Azizah Hamzah, 2010). Bagi meneliti kerangka perundangan perlindungan kanak-kanak di Malaysia, kaedah analisis kandungan (content analysis) telah dipilih. Kaedah ini memerlukan kepada satu penetapan tema tertentu agar proses analisis terhadap teks itu tidak menyimpang (Muhammad Haji Yusuf, 1993). Dalam kajian ini, tema tersebut adalah berkaitan dengan kerangka perundangan perlindungan kanak-kanak daripada gangguan seksual dan peranan pihak kerajaan serta NGO. Kajian turut menggarap bentuk analisis kandungan (Content analysis). Penyelidik telah berusaha menganalisis dokumen untuk diketahui isi dan makna yang terkandung dalam dokumen tersebut (Nazir, 1985; Ratna, 2004; dan Muhamdajir, 2003). Analisis kandungan ini dilakukan dengan memilih teks yang sesuai berasaskan objektif kajian yang dilakukan. Oleh itu sampel yang digunakan untuk tujuan ini ialah Akta Kanak-kanak 2001 dan Akta Kesalahan Seksual Kanak-kanak 2017. Metodologi kajian yang dijalankan adalah berkait rapat dengan peringkat dan aras kajian seperti berikut peringkat asas membabitkan konsep perlindungan dan keselamatan kanak-kanak.

Metode Induktif ialah suatu kaedah penganalisaan data melalui proses penarikan kesimpulan dari hal-hal yang bersifat khusus kepada suatu kenyataan yang bersifat umum (Peter A. Angeles, 1981; Henry L. Manheim dan Bredley A. Simon, 1977). Di sini penulis memaparkan data yang bersifat khusus dan kemudiannya membuat kesimpulan bersifat umum. Para penulis merujuk khusus kepada peruntukan Akta Kanak-kanak 2001 berkaitan perlindungan kanak-kanak, seterusnya membuat kesimpulan berkaitan kecukupan dan keampauhan undang-undang Negara dalam menjamin perlindungan kanak-kanak daripada gangguan seksual. Seterusnya, penulis menganalisis data menggunakan metod deduktif merupakan cara menganalisis dan melakukan penyelidikan berdasarkan kepada ‘pola berfikir’ yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus (Abdul Halim bin Mat Diah, 1987). Analisis terhadap peranan agensi kerajaan khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dibuat menggunakan metode deduktif. Para penyelidik melihat kepada peranan umum digariskan oleh JKM dan seterus membuat kesimpulan secara khusus tentang peranan dan fungsi dimainkan.

## **Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989**

Mengikut Marshall (1964), hak sivil bermaksud pemberian kebebasan bersuara keselamatan dan keadilan kepada kanak-kanak. Hak politik pula adalah jaminan untuk mengambil bahagian dalam persatuan dan hak untuk memilih orang atau perkara yang diminati oleh kanak-kanak. Hak ekonomi dan sosial adalah berkaitan hak kebajikan kanak-kanak dalam aspek makanan, pakaian, kediaman dan kesihatan. Hak kebudayaan merangkumi hak untuk kanak-kanak melibatkan diri dalam aktiviti atau program yang melambangkan kebudayaan sendiri. Semua kanak-kanak berhak diberi peluang memiliki dan mengamalkan semua hak ini dalam kehidupan harian mereka.

Hak boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang adil dan saksama yang boleh dimiliki atau dilakukan oleh seseorang. Hak asasi adalah perkara dasar atau pokok yang boleh dilakukan atau dikuasai oleh seseorang kanak-kanak mengikut undang-undang, agama, adat istiadat dan lain-lain (Abdul Monir Yaacob, 1986). Ia meliputi hak sebelum dan selepas lahir serta kepentingan hormat kepada nilai-nilai kebudayaan komuniti kanak-kanak. Ini adalah kerana kanak-kanak mudah dipengaruhi, memerlukan jagaan dan perlindungan khasnya daripada keluarga. Kanak-kanak pula ialah seseorang yang berumur di bawah 18 tahun kecuali di bawah undang-undang negara di mana kedewasaan dicapai lebih awal. (Konvensyen Hak Kanak-kanak, 1989)

Secara umumnya, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak mendorong Kerajaan supaya lebih bertanggungjawab untuk kesejahteraan kanak-kanak sebagai mengiktiraf hak mereka. Konvensyen turut menghuraikan segala keperluan kanak-kanak berasingan dari keperluan orang dewasa.

Konvensyen tersebut mengandungi tiga bahagian dan 54 artikel yang disusun seperti berikut:

- 1- Bahagian I: 41 artikel mengenai hak kanak-kanak.
- 2- Bahagian II: 4 artikel mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan Konvensyen serta implikasi bagi negara-negara anggota.
- 3- Bahagian III: 9 artikel mengenai pengiktirafan konvensyen dan implikasinya.

Konvensyen menekankan bahawa kanak-kanak di bawah umur 18 tahun mempunyai hak seperti:

- 1- Untuk hidup, membesar dengan sihat, menikmati taraf hidup dan pemeliharaan yang sempurna serta beliaian kasih sayang dalam suasana kekeluargaan.
- 2- Untuk mendapat identiti sebagai individu dan warganegara.
- 3- Untuk mendapat perlindungan dari kesukaran atau rintangan dalam hidup semasa dalam kecemasan, perang, dalam pelarian, dalam keadaan tidak berupaya dan dari exploitasi atau jenayah.

Konvensyen menghuraikan segala keperluan kanak-kanak berasingan dari keperluan orang dewasa dengan mengambil kira keperluan seperti:

- 1- Kerjasama antarabangsa dalam usaha memberi perlindungan kepada kanak-kanak.
- 2- Peranan dan tanggungjawab keluarga dan negara dalam memberi perlindungan dan menjaga kepentingan kanak-kanak.
- 3- Memberi tekanan kepada hak kanak-kanak membesar mengikut budaya, kepercayaan atau agama, keluarganya.

- 4- Memberi perlindungan kepada kanak-kanak sebatang kara yang memerlukan keluarga ganti / pelihara.
- 5- Memberi hak taraf kewarganegaraan kepada semua kanak-kanak.

Konvensyen Hak Kanak-kanak yang telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agong Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 20 November 1989 mengandungi Perkara 1 hingga Perkara 54. Hak Setiap Kanak-Kanak boleh diringkaskan seperti berikut:

- 1- Untuk dilahirkan, untuk mempunyai nama dan kewarganegaraan;
- 2- Untuk mempunyai keluarga yang akan menjaga dan menyayangi;
- 3- Untuk tinggal di dalam komuniti dan persekitaran yang aman dan damai;
- 4- Untuk mempunyai makanan yang mencukupi dan tubuh badan yang aktif dan sihat;
- 5- Untuk mendapatkan pendidikan yang baik dan membentuk potensi diri;
- 6- Untuk diberi peluang untuk bermain dan beriadah;
- 7- Untuk dilindungi daripada penderaan, eksloitasi, kecuaian, keganasan dan bahaya;
- 8- Untuk dipertahankan dan diberi bantuan oleh kerajaan;
- 9- Untuk berupaya mengekspresi pandangan sendiri.

Secara umumnya, hak kanak-kanak di dalam KHKK ini boleh diklasifikasikan kepada hak terhadap kehidupan (life), kewujudan (survival), dan perkembangan (development), hak kepada sivil, kebebasan dan penyertaan (participation) dan perlindungan (protection). Rangkuman daripada keempat-empat kategori ini, tersimpul satu hak lain iaitu hak kanak-kanak dalam keluarga dan kehidupan berkeluarga kerana ia melibatkan;

- i. hak kanak-kanak untuk hidup (Perkara 6);
- ii. hak untuk mendapatkan nama dan kerakyatan (Perkara 7);
- iii. hak untuk memelihara identiti (Perkara 8);
- iv. hak untuk hidup bersama ibu bapa (Perkara 9 dan 10);
- v. hak untuk didengar (Perkara 12);
- vi. hak kebebasan bersuara (Perkara 13);
- vii. hak kepada kebebasan berfikir, rasa hati dan beragama (Perkara 14);
- viii. hak kepada mendapat maklumat yang sewajarnya (Perkara 17);
- ix. hak kepada perlindungan daripada penyalahgunaan dan pengabaian (Perkara 19);
- x. hak kepada pengangkatan (Perkara 20 dan 21);
- xi. hak kepada kesihatan dan perkhidmatan kesihatan (Perkara 24);
- xii. hak kepada taraf hidup yang mencukupi (Perkara 27);
- xiii. hak kepada pendidikan (Perkara 28); dan
- xiv. hak kepada rekreasi dan aktiviti masa lapang (Perkara 31).

Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) merupakan satu dokumen memberikan perlindungan kepada kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, eksloitasi dan jaminan kanak-kanak mendapat haknya. Rasionalnya, konvensyen hak kanak-kanak diperlukan kerana banyak negara tiada struktur perundangan bagi kanak-kanak. Perkembangan sihat kanak-kanak amat penting dalam keadaan kanak-kanak lemah berbanding orang dewasa. Bahkan, kanak-kanak tidak berhak mengundi dan tidak mempunyai pengaruh politik dan ekonomi. Oleh itu, kanak-kanak mudah terjejas oleh apa juar yang dilakukan atau tidak dilakukan.

Semua kanak-kanak tanpa mengira, jantina, sosial, ekonomi, kebudayaan, latarbelakang etnik dan agama, dan taraf kesihatan, mempunyai hak yang sama rata untuk kualiti pendidikan, penjagaan dan perlindungan. Hak untuk dilindungi oleh undang-undang dan akta-akta yang

khusus untuk mereka. Mereka adalah aset terpenting yang bukan sahaja kepada negara tetapi kepada dunia amnya serta sebagai pewaris masa depan.

### **Jaminan Hak Perlindungan dan Kebajikan Kanak-kanak Di Malaysia**

Malaysia telah mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam usaha realisasi hak asasi kanak-kanak. Usaha ini turut melibatkan institusi berkanun, badan bukan kerajaan dan ia menyumbang kepada peningkatan kesedaran kalangan masyarakat umum.

Kerajaan amat serius dan prihatin terhadap usaha menjamin perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak. Usaha ini bagi memenuhi kriteria dan kehendak hak asasi kanak-kanak. Sehubungan itu, Kerajaan Malaysia telah mengesahkan dan menandatangani lima (5) konvensyen seperti berikut ([www.unicef.org/malaysia/msl/children](http://www.unicef.org/malaysia/msl/children), 2018)

- 1- Konvensyen Hak Asasi Kanak-kanak pada 19 Mac 1995
- 2- Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita pada 4 Ogos 1995
- 3- Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 138 (umur minimum untuk diambil bekerja) pada tahun 1997
- 4- Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 182 (bentuk buruh kanak-kanak yang paling teruk) pada 10 November 2000
- 5- Konvensyen menentang Jenayah Terancang Transnasional (ditandatangani) pada 26 September 2002.

Pada peringkat kebangsaan, Malaysia mennggabungkan tiga undang-undang perlindungan kanak-kanak dan mahkamah juvenil yang terdahulu untuk membentuk Akta Kanak-kanak 2001 yang memperuntukkan bahawa laporan penganiayaan kanak-kanak adalah mandatori. Selain itu, perundangan yang dibentuk dalam konteks melindungi hak kanak-kanak adalah seperti berikut:

- 1- Akta Kanak-kanak 2001 (pindaan 2002) (Akta 611)
- 2- Pengambilan Anak Angkat (Akta Pengangkatan Anak Angkat 1952)
- 3- Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308)
- 4- Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468)

KHKK yang diterima pakai oleh Malaysia pada 17 Februari, 1995 merupakan instrumen antarabangsa pertama yang mengikat di sisi undang-undang yang merangkumi keseluruhan Konvensyen yang mengandungi 54 perkara dan dua protokol pilihan (Protokol Pilihan mengenai Penglibatan Kanak-kanak dalam Konflik Bersenjata dan Protokol Pilihan mengenai Penjualan, Pelacuran dan Pornografi Kanak-kanak) ini adalah berdasarkan kepada empat prinsip asas iaitu tiada diskriminasi terhadap kanak-kanak (Perkara 2), apa yang terbaik untuk kanak-kanak (Perkara 3), hak kanak-kanak terhadap kehidupan yang sihat, sejahtera dan berkembang (Perkara 6), dan menghormati pandangan dan pendapat kanak-kanak (Perkara 12).

Kerajaan Malaysia begitu komited untuk membawa proses transformasi agar menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 melalui pembangunan sosio-ekonomi yang pesat pertumbuhannya. Selain itu, negara ini telah mengambil pelbagai langkah dalam menyelaraskan mengenai hak asasi manusia dan hak-hak kanak-kanak di peringkat antarabangsa bagi menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan dalam pembangunan sosial.

## **Jaminan Perlindungan Kanak-kanak Menurut Akta Kanak-kanak 2001**

Akta Kanak-kanak (2001) sebagai undang-undang bertulis yang amat penting dalam usaha realisasikan jaminan perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak sebagai memenuhi hak asasi mereka. Akta ini telah menyatakan dan meminda undang-undang yang berkaitan dengan pemeliharaan, pelindungan dan pemulihan kanak-kanak dan segala yang berkaitan dengan hak asasi kanak-kanak termasuk penubuhan Mahkamah Bagi Kanak-kanak. Selain itu, sebagai ringkasan keperluan dan kepentingan kewujudan akta adalah bertujuan mengiktiraf perkara-perkara berikut:

- a- bahawa wawasan negara sebagai negara maju sepenuhnya ialah suatu negara di mana keadilan sosial dan pembangunan moral, etika dan rohani sama pentingnya dengan kemajuan ekonomi dalam mewujudkan suatu masyarakat Malaysia madani yang bersatu padu, progresif, damai, penyayang, adil dan berperikemanusiaan;
- b- bahawa seseorang kanak-kanak bukan sahaja merupakan suatu bahagian penting masyarakat sedemikian tetapi juga merupakan kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran masyarakat itu;
- c- bahawa seseorang kanak-kanak, oleh sebab ketidakmatangannya dari segi fizikal, mental dan emosinya, memerlukan pelindungan, pemeliharaan dan bantuan khas, selepas kelahiran, untuk membolehkannya turut serta dalam dan menyumbang secara positif ke arah membentuk suatu masyarakat Malaysia madani yang unggul;
- d- bahawa tiap-tiap kanak-kanak berhak untuk mendapatkan pelindungan dan bantuan dalam segala hal keadaan tanpa mengira apa-apa jenis perbezaan, seperti ras, warna kulit, jantina, bahasa, agama, asal usul atau kecacatan fizikal, mental atau emosi atau apa-apa status lain;
- e- bahawa keluarga merupakan kumpulan asas dalam masyarakat yang menyediakan suasana semula jadi bagi pembesaran, penyaraan dan kebajikan semua anggotanya, khususnya kanak-kanak, kasih sayang dan persefahaman untuk memperoleh keyakinan penuh, maruah dan nilai diri seseorang manusia;
- f- peranan dan tanggungjawab keluarga dalam masyarakat, supaya mereka diberi bantuan yang perlu untuk membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab mereka sepenuhnya sebagai sumber pemeliharaan, penyaraan, pemulihan dan perkembangan kanak-kanak dalam masyarakat.

Seksyen 3, Akta Kanak-Kanak (2001) memperuntukkan Penubuhan Majlis Penyelaras bagi perlindungan Kanak-kanak.

1.Maka hendaklah ditubuhkan suatu Majlis yang hendaklah dikenali sebagai Majlis Penyelaras bagi Pelindungan Kanak-kanak

2.Majlis hendaklah:

- a) Bertanggungjawab bagi menasihati Menteri tentang segala aspek pelindungan kanak-kanak
- b) Mereka bentuk suatu sistem pengurusan yang cekap dan berkesan di seluruh Malaysia yang menggabungkan saluran maklumat bagi melaporkan kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan
- c) Mengesyorkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditujukan khusus untuk memenuhi keperluan orang, kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan perkhidmatan perlindungan kanak-kanak
- d) Menyelaras pelbagai sumber mana-mana Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan perlindungan kanak-kanak.

- e) Membangunkan program-program untuk mendidik orang ramai dalam pencegahan penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak. memberikan nasihat tentang pengurusan, operasi dan amalan Pasukan Pelindungan kanak-Kanak diseluruh Malaysia
- f) Memberikan nasihat tentang pengurusan, operasi dan amalan pasukan pelindungan kanak-kanak seluruh Malaysia.
- g) Memberikan nasihat tentang pembangunan program latihan bagi anggota Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak di seluruh Malaysia
- h) Menyelesaikan apa-apa pertelingkahan yang mungkin berbangkit dalam Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak.
- i) Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah akta ini

Manakala Seksyen 7 Akta Kanak-kanak (2001) pula memperuntukkan penubuhan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak seperti berikut;

- (1) Majlis hendaklah menubuhkan diseluruh Malaysia kumpulan-kumpulan orang, setiap kumpulan dikenali sebagai "Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak", bagi maksud menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga-keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan pelindungan.
- (2) Sesuatu Pasukan Pelindungan Kanak-kanak hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:
  - (a) seorang Pelindung yang hendaklah dinamakan oleh Majlis atas nasihat Ketua Pengarah, yang hendaklah menjadi pengerusi;
  - (b) seorang pegawai perubatan; dan
  - (c) seorang pegawai kanan polis.
- (3) Sesuatu Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak hendaklah mempunyai kuasa untuk membawa turut serta dari semasa ke semasa mana-mana orang lain yang semunasabahnya diperlukan olehnya untuk membantunya melaksanakan fungsi dan kewajibannya atau sebagaimana yang diperlukan oleh hal keadaan setiap kes, termasuklah mana-mana orang yang layak untuk memberikan nasihat tentang faktor-faktor peribumi, etnik, kebudayaan atau agama yang berkaitan.

Pelantikan dan kuasa pelindung turut diperuntukkan melalui Seksyen 8 akta tersebut. Peruntukan menyebut;

- (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam warta, melantik apa-apa bilangan Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk menjalankan kuasa dan melaksanakan kewajipan seorang Pelindung di bawah ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam pemberitahuan ini.
- (2) Seseorang Pelindung—
  - (a) hendaklah mempunyai kuasa seorang Majistret berkenaan dengan pengambilan keterangan pada mana-mana siasatan yang diadakan olehnya di bawah Akta ini;
  - (b) hendaklah memberi Mahkamah suatu salinan nota keterangan itu apabila diminta berbuat demikian dengan perintah Mahkamah itu; dan
  - (c) tidak boleh dipaksa untuk menjawab apa-apa soalan dalam apa-apa prosiding kehakiman tentang alasan-alasan keputusan atau kepercayaannya—
    - (i) dalam apa-apa kes yang dikendalikan olehnya di bawah Akta ini; atau
    - (ii) tentang apa-apa juga yang sampai kepada pengetahuannya dalam apa-apa siasatan yang dibuat olehnya sebagai Pelindung.

- (3) Tiap-tiap perintah atau saman yang berupa sebagai yang dikeluarkan oleh dan di bawah tandatangan dan meterai Pelindung menurut Akta ini hendaklah diterima sebagai keterangan di mana-mana Mahkamah tanpa bukti lanjut dan hendaklah menjadi keterangan prima facie tentang fakta yang dinyatakan dalam perintah atau saman itu.
- (4) Segala perbuatan yang dilakukan menurut apa-apa perintah atau saman yang disebut dalam subseksyen (3) hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh undang-undang.

Seksyen 17, Akta Kanak-kanak (2001) memperuntukkan secara khusus aspek keperluan pemeliharaan dan perlindungan terhadap kanak-kanak. Peruntukan adalah seperti berikut;

- (1) Seseorang kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan pelindungan jika;
- (a) kanak-kanak itu telah atau besar kemungkinan akan dicederakan dari segi fizikal atau dicederakan dari segi emosi atau dianiyai dari segi seks oleh ibu atau bapa atau penjaganya atau seseorang anggota keluarga luasnya;
  - (b) kanak-kanak itu telah atau berkemungkinan dicederakan dari segi fizikal atau emosi atau seksual dan ibu atau bapa atau penjaganya sama ada tahu atau berkemungkinan mengetahuinya telah tidak melindungi atau tidak akan melindungikan kanak-kanak itu daripada kecederaan atau penganiayaan sedemikian
  - (c) ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu tidak layak atau telah mengabaikan, tidak berupaya untuk menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya ke atas kanak-kanak itu dan kanak-kanak itu mula terlibat dalam pergaulan yang tidak sihat
  - (d) ibu atau bapa atau penjaga telah mengabaikan atau berkeberatan untuk mengadakan memelihara dari aspek penyediaan makanan, pakaian dan tempat berteduh yang mencukupi untuk kanak-kanak itu
  - (e) kanak-kanak itu –
    - (i) tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga; atau
    - (ii) telah dibuang oleh ibu atau bapa atau penjaganya dan selepas siasatan yang munasabah ibu atau bapa atau penjaga itu tidak ditemui,
 dan tiada orang lain yang sesuai sanggup dan berupaya memelihara kanak-kanak itu;
  - (f) kanak-kanak itu perlu diperiksa, disiasat atau dirawat-
    - (i) bagi maksud memulihkan atau memelihara kesihatannya; dan
    - (ii) ibu atau bapa atau penjaganya mengabaikan atau enggan membentarkan kanak-kanak itu diperiksa, disiasat atau dirawat sedemikian;
  - (g) kanak-kanak itu berkelakuan dengan cara yang, atau yang mungkin, memudaratkan dirinya atau mana-mana orang lain dan ibu atau bapa atau penjaganya tidak berupaya atau berkeberatan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memperbaiki keadaan atau langkah-langkah yang diambil oleh ibu atau bapa atau penjaga itu gagal;
  - (h) terdapat pertelingkahan yang sedemikian rupa antara kanak-kanak itu dengan ibu atau bapa atau penjaganya, atau antara ibu dan bapa atau penjaga penjaganya, sehingga hubungan kekeluargaan terganggu dengan serius, dan yang demikian itu menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan emosi;
  - (k) kanak-kanak itu dibenarkan berada di mana-mana jalan, premis atau tempat bagi maksud
    - (i) mengemis atau menerima sedekah, sama ada atau tidak dengan dalih menyanyi, bermain, membuat persembahan atau menawarkan apa-apa jua untuk jualan; atau
    - (ii) menjalankan penjajaan yang menyalahi undang-undang, loteri haram, perjudian atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang yang memudaratkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak itu.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang kanak-kanak-

- (a) dicederakan dari segi fizikal jika ada kecederaan yang substansial dan boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat kekerasan atau agen(alat) yang sengaja kepada tubuh kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, laserasi, kontusi, lelaskan, parut, patah atau kecederaan tulang yang lain, dislokasi, seluah, pendarahan, pecah viskus, luka terbakar, melecur, hilang atau berubah kesedaran atau fungsi fisiologi atau gugur rambut atau gigi;
- (b) dicederakan dari segi emosi jika ada gangguan boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu yang didalilkan dengan, antara lain, keceluaran mental atau tingkah laku, termasuk keresahan, kemurungan, penyendirian, kelangsangan atau perkembangan lambat;
- (c) teraniaya dari segi seks jika dia telah mengambil bahagian, sama adasebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi maksud (i) apa-apa bahan, fotograf, rakaman, filem, pita video atau persembahan yang berunsur pornografi, lucah atau sumbang; atau (ii) eksplotasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.

Peruntukan paling ketara dalam usaha jaminan perlindungan hak asasi kanak-kanak aspek perlindungan dan kebaikan mereka ialah penubuhan mahkamah kanak-kanak. Seksyen 11 Akta Kanak-kanak (2001) menyatakan berkaitan penubuhan dan bidang kuasa Mahkamah bagi Kanak-kanak seperti berikut;

- (1) Mahkamah yang ditubuhkan mengikut Akta ini dan bersidang bagi maksud-
  - (a) Mendengar, memutuskan atau membereskan apa-apa pertuduhan terhadap seseorang kanak-kanak; atau
  - (b) Menjalankan apa-apa bidang kuasa lain yang diberikan atau yang diberikan kepada Mahkamah Bagi Kanak-kanak oleh atau di bawah Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Hendaklah dikenali sebagai "Mahkamah Bagi Kanak-kanak".

- (2) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah terdiri daripada seorang Majistret yang, pada menjalankan fungsi-fungsinya sebagai suatu Mahkamah Bagi Kanak-Kanak kecuali apabila membuat sesuatu perintah di bawah subseksyen 39(4), 42(4), 84(3) atau 86(1), mengikut kehendak keadaan, hendaklah dibantu oleh dua orang penasihat yang hendaklah dilantik oleh Menteri daripada suatu panel orang yang bermastautin di Negeri itu.
- (3) Seorang daripada dua orang penasihat yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah seorang wanita.
- (4) Fungsi-fungi penasihat ialah:
  - (a) untuk memaklumkan dan menasihati Mahkamah Bagi Kanak- Kanak mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan bersalah atau pelakuan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang dibawa ke hadapan Mahkamah itu; dan
  - (b) jika perlu, untuk menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu.
- (5) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan semua kesalahan kecuali kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati.
- (6) Kecuali sebagaimana yang diubahsuaikan atau diperluas oleh Bahagian ini, Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] hendaklah terpakai bagi Mahkamah Bagi Kanak-Kanak seolah-olah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak ialah Mahkamah Majistret.

Akta Kanak-Kanak 2001 digubal dengan menggabungkan Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991. Penggubalan Akta ini mengambil kira Prinsip Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak. Akta tersebut mewajibkan pengamal perubatan, ahli keluarga dan penyedia perkhidmatan penjagaan kanak-kanak melaporkan kes penderaan kanak-kanak. Akta tersebut juga memberi penekanan kepada tanggungjawab dan penglibatan ibu bapa dalam pemulihan kanak-kanak dan menangani ketidakharmonian dalam keluarga melalui penyediaan bengkel interaktif. Mahkamah khas dikenali sebagai Mahkamah Kanak-Kanak yang diketuai oleh seorang majistret dengan dua penasihat daripada kalangan orang awam ditubuhkan pada tahun 2002 untuk mendengar kes berkaitan kanak-kanak.

Penderaan kanak-kanak adalah satu pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka. Penderaan boleh dikategorikan kepada penderaan fizikal, emosi, seksual dan pengabaian. Manakala penderaan fizikal menurut Akta Kanak-Kanak 2001 adalah apabila seseorang kanak-kanak dicederakan dari segi fizikal menyebabkan kecederaan yang boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat kekerasan atau penggunaan agen yang disengajakan kepada tubuh kanak-kanak itu.

Penderaan emosi menurut Akta Kanak-Kanak 2001 adalah apabila seseorang kanak-kanak dicederakan dari segi emosi yang menyebabkan gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu seperti kecelaruan mental atau tingkah laku, keresahan, kemurungan, penyendirian dan perkembangan lambat. Kes penderaan seksual menurut Akta Kanak-Kanak 2001 adalah apabila seseorang kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi apa-apa maksud atau eksloitasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain.

Keganasan merujuk kepada sesuatu tindakan dengan niat untuk menyebabkan sebarang bentuk kecederaan dari segi fizikal dan emosi terhadap kanak-kanak. Eksloitasi merujuk kepada penggunaan kanak-kanak dalam aktiviti yang membolehkan pihak lain mendapat faedah dari segi kewangan, seksual, politik serta kepentingan lain yang boleh mengancam kesejahteraan fizikal dan psikologikal mahupun kelangsungan hidup kanak-kanak.

Akta Kanak-Kanak 2001 hanya memperuntukkan penderaan seksual kanak-kanak akan tetapi tidak memperuntukkan suatu peruntukan khusus berhubung kesalahan seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia. Akta Kesalahan-Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 merupakan akta yang diluluskan bertujuan melindungi kanak-kanak 18 tahun ke bawah daripada jenayah seksual yang selaras dengan Akta Kanak-Kanak 2001. Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) yang berkuat kuasa pada 10 Julai 2017 ialah suatu Akta untuk menangani kesalahan seksual yang dilakukan terhadap Kanak-Kanak.

Tujuan utama penggubalan Akta 792 ini adalah untuk memberi perlindungan yang lebih baik, melindungi kepentingan dan kebaikan Kanak-Kanak, serta mengadakan pencegahan yang berkesan bagi kesalahan seksual terhadap Kanak-Kanak. Penguatkuasaan Akta 792 perlu disokong dengan penggubalan suatu Garis Panduan Khas dalam pengendalian kesalahan seksual terhadap Kanak-kanak. Suatu usaha terbaik daripada pihak kerajaan dalam menangani masalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Jenis kesalahan dan hukuman lebih jelas

menunjukkan komitmen pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan kanak-kanak daripada ancaman jenayah seksual.

## **Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah ditubuhkan pada bulan April 1946. Di dalam jangkamasa 71 tahun, JKM telah mengalami evolusi dalam memenuhi peranannya di dalam pembangunan negara. Bermula dengan penglibatan menangani pelbagai masalah yang timbul akibat Perang Dunia Kedua, peranan dan fungsi Jabatan ini telah berkembang kepada perkhidmatan pencegahan dan pemulihan dalam isu-isu sosial serta pembangunan masyarakat. Sebagai salah satu agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial, ia telah di tempatkan di bawah beberapa Kementerian([www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my),2018):

1. 1946 – 1951: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaya
2. 1952 – 1955: Jabatan Perusahaan dan Perhubungan Sosial
3. 1956 – 1957: Jabatan Kesihatan dan Kebajikan Sosial
4. 1957 – 1958: Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Sosial
5. 1958 – 1959: Kementerian Buruh dan Kebajikan Masyarakat
6. 1960 – 1962: Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat
7. 1963 – 1964: Kementerian Buruh dan Kebajikan Masyarakat
8. 1964 – 1982: Kementerian Kebajikan Am
9. 1982 – 1990: Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia
10. 1990 – 2004: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat
11. 2004 – kini: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Bahagian Kanak-Kanak menyediakan perkhidmatan perlindungan kepada kanak-kanak daripada semua bahaya termasuk jenis penyalahgunaan, penyeksaan, penderaan, diskriminasi dan eksplotasi. Di samping itu penekanan khusus diberi kepada perkembangan sihat kanak-kanak dari segi fizikal, sosial, emosi dan mental. Mereka juga dilengkapi dengan nilai dan sikap yang sesuai supaya mereka mempunyai haluan dan tujuan sebagai generasi dan pemimpin masa hadapan.

Di bawah bahagian Kanak-kanak ada lima (5) Cawangan dengan fungsi berbeza-beza. Penulis hanya fokus kepada dua (2) cawangan yang berfungsi secara khusus berkaitan perlindungan kanak-kanak. Cawangan-cawangan tersebut ialah (<http://www.jkm.gov.my>, 2018):

### **a. Cawangan Perlindungan Kanak-Kanak**

- i. Menyelaras pegurusan, aktiviti dan program di Rumah Kanak-kanak (RKK) dan Rumah Tunas Harapan (RTH)
- ii. Menyelaras dan menyelia pelantikan Ahli Lembaga Pelawat RKK dan RTH
- iii. Menyelaras dan memantau kes-kes berkaitan dengan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak kepada situasi merbahaya mengikut AKK 2001.
- iv. Menyelaras dan memantau pengurusan kes, rekod dan penempatan anak pelihara (seksyen 31, AKK 2001)
- v. Menyelaras kepada pematuhan terhadap pengurusan kes seksyen 35, AKK 2001
- vi. Menyelaras pengurusan kes di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIP)

- vii. Merancang, memantau dan menyelaras program Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK)
- viii. Menyelaras dan menyelia pelantikan PPPK
- ix. Menyelaras dan memantau kes pendaftaran dan kewarganegaraan kanak-kanak di Institusi kanak-kanak JKM dan RTH
- x. Merancang, menyelaras dan memantau program Khidmat saksi kanak-Kanak

**b. Cawangan Rehabilitasi Dan Keadilan Sosial Kanak-Kanak**

- i. Merancang, menyelaras dan memantau pengurusan kes kanak-kanak yang terlibat dengan bahaya moral, perlindungan segera, jenayah dan tidak terkawal di institusi dan di komuniti atau daerah.
- ii. Naziran dan pemantauan aktiviti dan program di institusi pemulihan
- iii. Menyelaras pelantikan ahli Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD) dan memantau program aktiviti JKKD.
- iv. Menyelaraskan dan menyelia pelantikan ahli Lembaga Pelawat Institusi Pemulihan.
- v. Merancang, menyelaras dan memantau program pemulihan berdasarkan perkongsian bijak dengan agensi kerajaan dan swasta

JKM dalam rangka usaha memberikan Perkhidmatan Perlindungan Kanak-kanak turut menyediakan perkhidmatan seperti berikut([www.jkm.gov.my/jkm](http://www.jkm.gov.my/jkm),2018):

**a: Perkhidmatan Institusi**

Bil.	Jenis Perkhidmatan	Kumpulan Sasar
1.	Rumah Kanak-Kanak	Kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan
2.	Rumah Tunas Harapan	Kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan
3.	Rumah Perlindungan ATIP	Kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan

**b: Perkhidmatan Luar**

Bil	Jenis Perkhidmatan	Kumpulan Sasar
1	Anak Pelihara	Pasangan berkahwin/ individu yang berhasar memelihara kanak-kanak yang berada di Institusi kanak-kanak JKM
2	Pasukan Pelindungan Kanak-kanak (PPKK) dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK)	Semua Kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah
3	Pemberitahuan Pengambilan Kanak-kanak ke dalam Pemeliharaan, Jagaan atau Kawalan oleh Orang Awam atau Pengendali Pusat Jagaan (Seksyen 35, AKK 2001)	Kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang dijaga oleh individu/ pusat jagaan NGO selain ibu/ bapa kandung

Sehubungan itu, JKM berbidangkuasa terhadap beberapa akta-akta khusus berkaitan kanak-kanak, antaranya;

- 1- Akta Kanak-kanak 2001
- 2- Kanun Acara Jenayah (Sek 173A, 293 & 294)
- 3- Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952
- 4- Akta Pengangkatan 1952
- 5- Akta Keganasan Rumahtangga 1994
- 6- Akta TASKA (Pindaan) 2007
- 7- Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2007
- 8- Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007

JKM juga menguatkuasa beberapa peraturan-peraturan berkaitan Kanak-kanak bagi menjamin kelangsungan jaminan hak asasi kanak-kanak aspek perlindungan dan kesejahteraan mereka. Peraturan-peraturan tersebut ialah:

- 1- Akta Kanak-kanak 2001 - Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Tempat Selamat) 2007
- 2- Akta Mahkamah Juvana 1947 - Peraturan-peraturan Asrama Akhlak 1982
- 3- Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 - Kaedah-kaedah Perlindungan Wanita dan Gadis (Tempat Perlindungan) 1982
- 4- Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 - Peraturan-peraturan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (Prosedur & Amalan) 1995
- 5- Peraturan-peraturan Jawatankuasa Kebajikan Juvana (Perlindungan dan Kewajipan 1976)
- 6- Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 - Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak Komuniti 2007

JKM berperanan penting dalam menyediakan Perkhidmatan kanak-kanak merangkumi perkhidmatan perlindungan kepada kanak-kanak daripada semua bahaya termasuk jenis penyalahgunaan, penyeksaan, penderaan, diskriminasi dan eksplotasi. Di samping itu penekanan khusus diberi kepada perkembangan sihat kanak-kanak dari segi fizikal, sosial, emosi dan mental. Mereka juga dilengkapi dengan nilai dan sikap yang sesuai supaya mereka mempunyai haluan dan tujuan sebagai generasi dan pemimpin masa hadapan. Objektif perkhidmatan kanak-kanak ialah bagi memastikan khidmat pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan pembangunan kanak-kanak disediakan dengan cekap dan berkesan.

Peranan utama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah untuk menyelamat, melindungi, menjaga dan membantu dalam pemulihan kanak-kanak dan keluarga kanak-kanak. Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberi kuasa sebagai Pelindung (Seksyen 8,Akta Kanak-kanak 2001)akan mematuhi prosedur perlindungan berdasarkan akta dan peraturan seperti mana yang telah ditetapkan.

## **Penutup**

Kanak-kanak adalah golongan yang lemah dan memerlukan perlindungan yang sepenuhnya dari golongan dewasa. Ini telah termaktub dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak sedunia tahun 1989 oleh pihak Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu. Malaysia salah sebuah negara yang telah menandatangani dan menerima pakai konvensyen ini. Di antara penekanan dalam hak ini ialah mengenai hak perlindungan setiap kanak-kanak daripada diskriminasi dan penderaan, tanggungjawab menjaga kepentingan mereka dan menghormati serta mengambil kira pandangan mereka.

Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Akta Kanak-kanak 2001 dan takrifan ini turut digunakan di peringkat antarabangsa. Walau apa jua takrifan yang digunakan, perlindungan dan perkembangan seseorang kanak-kanak adalah bergantung kepada orang dewasa. Konvensyen Hak Kanak-Kanak merupakan satu konvensyen antarabangsa mengenai pemberian hak sivil, politik, ekonomi, sosial, dan kebudayaan kepada kanak-kanak. Selaras dengan itu Malaysia telah mengambil langkah-langkah pro aktif bagi realisasi jaminan hak asasi kanak-kanak. Akta Kanak-kanak 2001 sebagai penanda aras tertinggi pelaksanaan perundangan bagi jaminan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak. Di samping Jabatan Kebajikan Masyarakat berperanan secara khusus dalam memberi perkhidmatan kanak-kanak turut menyumbang ke arah mencapai jaminan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak selari dengan peruntukan Konvensyen Hak Kanak-kanak.

Akta Kanak-kanak (2001) sebagai undang-undang bertulis yang amat penting dalam usaha realisasikan jaminan perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak sebagai memenuhi hak asasi mereka. Secara amnya, Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan seksual yang tertentu terhadap kanak-kanak. Ia juga merupakan perundangan tambahan kepada undang-undang sedia ada berhubung dengan kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak.

JKM berperanan penting dalam menyediakan Perkhidmatan kanak-kanak merangkumi perkhidmatan perlindungan kepada kanak-kanak daripada semua bahaya termasuk jenis penyalahgunaan, penyeksaan, penderaan, diskriminasi dan eksplotasi. Malaysia telah mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam usaha realisasi hak asasi kanak-kanak. Usaha ini turut melibatkan institusi berkanun, badan bukan kerajaan dan ia menyumbang kepada peningkatan kesedaran kalangan masyarakat umum.

### **Penghargaan**

Para penulis merakan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak KPM atas dana Geran FRGS-2016 bagi menjalankan kajian berkaitan perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia.

### **Rujukan**

- Abdul Halim bin Mat Diah. 1987, Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Monir Yaacob. (1986). Hak Asasi Manusia Menurut Islam, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akta kanak-kanak. (2001) Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006 Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 Secara Usaha Sama dengan Percetakan Nasional Malaysia Bhd 2006
- Akta 597 - Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999  
[http://www.suhakam.org.my/bm/akta\\_597.asp](http://www.suhakam.org.my/bm/akta_597.asp) (akses pada 1 Julai 2018)
- Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya dalam Jurnal Pengajian Media Malaysia 6 (1), Kuala Lumpur: UM.
- Chandra Muzaffar, (1995), Hak Asasi Manusia Dalam Tata Dunia Baru, Bandung: Pustaka Mizan
- Henry L. Manheim dan Bredley A. Simon. 1977, Sociological Research: Philosophy and Methods, t.c., Illinois: The Dorsey Press.  
<http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001585/158536mly.pdf> (akses pada 5 Ogos 2018)

- <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VGZjZ3NqOHhhV0dSS3lFU0w3YT>  
 B5UT09 (akses pada 30 Ogos 2018)
- <http://www.kpwkm.gov.my/uploadpdf/objektif1DKK.pdf> akses pada (5 Ogos 2018)
- <http://www.ohchr.org/english/law/pdf/crc.pdf> (akses pada 1 Julai 2018)
- [http://www.suhakam.org.my/docs/\\_document\\_resource/Kon-HakKanak2.pdf](http://www.suhakam.org.my/docs/_document_resource/Kon-HakKanak2.pdf) (akses pada 15 Julai 2018)
- <http://www.suhakam.org.my/ms/human-rights-best-practices-in-schools-hrbps/> (akses pada 1 September 2018).
- [https://www.unicef.org/malaysia/msl/children\\_4393.html](https://www.unicef.org/malaysia/msl/children_4393.html), akses pada 31 Ogos 2018
- <http://www.beritaharian.sg/dunia/pedofil-britain> (akses pada 12 Ogos 2018)
- Jan Berting, et al., (1990) *Human Rights in a Pluralist World: Individuals and Collectivities*, First Edition, (London: Meckler).
- Kamus Dewan. (2012). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dawana Sdn Bhd.
- Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). (1989) telah dibentang Dalam Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke 44 pada 20 Nov. 1989
- L.B. Curzon, (2007). Dictionary of Law, 6th ed. Petaling Jaya: International Law Book Services, 204.
- Mahdi Zahraa. (1998). *Research methods for law postgraduates' overseas students*. Univision: Glasgow.
- Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2007). Implementation of the Convention on the Rights of the Child: First Country Report, Kuala Lumpur
- Marshal, Thomas H. (1964). Class, Citizenship, and Social Development, Garden City, NY, Doubleday
- Muhamdir, Noeng. (2002). Metodologi penelitian Kualitatif. Yogyakarta: Rake Sarasir.
- Nazir, Moh. (1985). Metode Penelitian. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- OHCHR, (2018), Pernyataan Umum tentang Hak-Hak Asasi Manusia  
[https://www.ohchr.org/EN/UDHR/Documents/UDHR\\_Translations/inz.pdf](https://www.ohchr.org/EN/UDHR/Documents/UDHR_Translations/inz.pdf) (akses pada 2 Ogos 2018).
- Peter, A. Angeles. 1981, *A Dictionary of Philosophy*, London: Harper and Row Publishers
- Ratna, Nyoman Kutha. 2004. Penelitian Sastra: Teori, Metode, dan Teknik. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Rena, Ravinder. (2007). Child Rights' Convention and Its Implementation. Indian Ocean Digest, Vo1.22, No.1 &2 (January-December), pp. 1-11.
- Rohani Abdul Rahim. (2002). Metodologi Penyelidikan Undang-undang: Satu Tinjauan Kepada Kajian Sosio-Perundangan. *Seminar Kemantapan Akademik UKM*.
- Rohi al-Baalbaki, (1995)Al-Mawrid, A Modern Arabic-English Dictionary, Dar El-Ilm Lilmaliiyen: Lebanon, [https://archive.org/stream/almawrid\\_658#page/n3](https://archive.org/stream/almawrid_658#page/n3) akses pada 20 Ogos 2018.
- SUHAKAM, (2005). Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak, Kuala Lumpur: SUHAKAM
- SUHAKAM, (2006). Research on Knowledge and Practice of Human Rights in Secondary School. Kuala Lumpur: SUHAKAM
- UNESCO, (2008), Ringkasan: Konvensyen-konvensyen dan Undang-undang yang Menjamin Hak Sama Rata Semua Kanak-kanak untuk Kualiti Pendidikan di Persekutuan yang Menyeluruh, Malaysia. Bangkok: UNESCO Bangkok. UNESCO Asia and Pacific Regional Bureau for Education 920 Sukhumvit Rd., Prakanong Bangkok, Thailand
- UNICEF (2002), Garis Panduan Pelaksanaan Untuk Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak, Undang-undang Malaysia- Akta 611. Akta Kanak-Kanak 2001

- UNICEF Malaysia, 2018. Child Rights: CRC Reservations, [https://www.unicef.org/malaysia/17982\\_crc-reservations-malaysia.html](https://www.unicef.org/malaysia/17982_crc-reservations-malaysia.html), (akses pada 20 Februari 2018).
- Veneman, Ann.M. (2009). The State of The World's Children Special Edition, New York: UNICEF
- Walker, D. (1969). The Scottish Legal System, An Introduction to the Study of Scots Law. Edinburgh: W. Green
- www.pmo.gov.my,2018, Perspektif Wawasan 2020  
[http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/22PERSPEKTIF\\_WAWASAN\\_2020.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/22PERSPEKTIF_WAWASAN_2020.pdf) (akses pada 20 Ogos 2018)
- “Convention on the Rights of the Child”  
[http://www.ohchr.org/\\_layouts/15/WopiFrame.aspx?sourcedoc=/Documents/ProfessionalInterest/crc.pdf&action=default&DefaultItemOpen=1](http://www.ohchr.org/_layouts/15/WopiFrame.aspx?sourcedoc=/Documents/ProfessionalInterest/crc.pdf&action=default&DefaultItemOpen=1), (akses pada 20 Februari 2018)